KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/10/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI PAHANG			

Pemandu jengkaut ditahan ketika bersihkan hutan simpan

Ceroboh Hutan Simpan Purun untuk tanam sawit

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Seorang pemandu jengkaut yang sedang leka melakukan kerja-kerja pembersihan secara haram di kawasan Hutan Simpan Purun, Bera ditahan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) pada Sabtu.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa) JPNP, Nor Azirim Ahmad berkata, lelaki tempatan berusia 43 tahun itu ditahan ketika lima anggota penguat kuasa (UPK) Pahang Timur yang diketuai Pengawas Hutan, Mohd Azhar Mudzafar melakukan rondaan di kawasan terbabit.

Beliau berkata, lelaki tersebut mendakwa telah ditugaskan untuk meratakan tanah di kawasan hutan berkenaan dan tidak mengetahui kerja itu satu kesalahan besar.

"Susulan itu, kita menahan lelaki terbabit. Satu laporan polis telah dibuat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bera atas kesalahan menceroboh dan membersihkan Hutan Simpan Purun.

"Lelaki itu bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan polis. Kita turut menyita jentera terbabit dan kini ditempatkan di pusat simpanan barangan rampasan Pejabat Ladang Hutan Kemasuk, Mentakab di Temerloh," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Nor Azirim tidak menolak kemungkinan kegiatan membersihkan hutan dan meratakan tanah di kawasan hutan tersebut adalah untuk menanam kelapa sawit.

"Kalau kita lihat kawasan berhampiran Hutan Simpan Purun ini begitu terkenal dengan tanaman kelapa sawit.

"Atas sebab itu terdapat banyak percubaan daripada individu atau pihak tertentu meneroka tanah haram di hutan simpan bagi tujuan pertanian," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, pihaknya menerusi anggota UPK Pahang Timur akan terus melakukan rondaan secara berjadual di kawasan Hutan Simpan Purun.

"Rondaan turut dilakukan di Hutan Simpan Chini Tambahan dan Hutan Simpan Chini Bera yang sering berlaku kegiatan pencerobohan untuk aktiviti pertanian," kata beliau.

FOTO: IHSAN JPNP



Jengkaut yang digunakan bagi membersihkan kawasan dalam Hutan Simpan Purun, Bera dipercayai untuk dijadikan ladang kelapa sawit.